

SURAT SETUJU TERIMA PERKHIDMATAN KEPAKARAN

Rujukan Kami : MPC.100-14/1/21

Tarikh : 18 Mei 2021

YBhg. Dato' Ooi Say Chuan

I Jalan Ss22/15, Damansara Jaya,
47400 Petaling Jaya,
Selangor

LANTIKAN SEBAGAI PENASIHAT UNTUK REGULATORY IMPACT ANALYSIS (RIA) & REGULATORY IMPACT STATEMENT (RIS)

TARIKH PROGRAM: 21 MEI – 22 NOVEMBER 2021

Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju menerima tawaran sebutharga syarikat atau YBhg. Dato' dengan harga sebanyak **Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Dua Ribu Sahaja (RM32,000.00)**

2. Walau bagaimanapun, pelantikan ini adalah tertakluk kepada persetujuan harga yang telah dinyatakan dalam Surat Pekeliling KP MPC Perkhidmatan Kepakaran dan Elaun Lain Bagi Bukan Penjawat Awam, serta berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pegawai program **(Rujuk Term Of References (TOR))**

3. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MPC, pihak syarikat atau YBhg. Dato' dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC. Sekiranya YBhg. Dato' gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan.

4. Pihak YBhg. Dato' juga adalah diingatkan bahawa MPC berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- (a) syarikat atau YBhg. Dato' gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 3 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (b) syarikat atau YBhg. Dato' gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;
- (c) syarikat atau YBhg. Dato' telah membuat salah nyataan

(*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan MPC bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;

- (d) syarikat atau YBhg. Dato' membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (e) syarikat atau YBhg. Dato' terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga Surat ini ditandatangani;
- (f) syarikat atau YBhg. Dato' telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan MPC terlebih dahulu;
- (g) syarikat atau YBhg. Dato' gagal menyempurnakan perkhidmatan/membekalkan barang dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran TOR**
- (h) syarikat atau YBhg. Dato' gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen *sebut harga/tender;
- (i) syarikat YBhg. Dato'/pemilik/rakan kongsi/pengarah atau puan telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- (j) syarikat atau YBhg. Dato' digulungkan;
- (k) syarikat atau YBhg. Dato' membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- (l) syarikat atau YBhg. Dato' gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;
- (m) syarikat atau YBhg. Dato' tidak mendapat kelulusan daripada MPC terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa atau menaikkan nilai tawaran; atau

- (n) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

5. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 4, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat pun termasuk kerugian masa hadapan.

6. Syarikat atau YBhg. Dato' berhak menolak tawaran sekiranya tidak bersetuju dengan harga atau terma yang telah diberikan oleh pegawai program. Sila maklumkan emel penolakan kepada Unit Perolehan dengan emel kepada Pn. Hajah Norliza Ahmad: norliza@mpc.gov.my atau Cik Jennifer Kavithambigai Panir Silvam: jennifer@mpc.gov.my dalam **tempoh tujuh (7) hari**.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ABDUL LATIF BIN HAJI ABU SEMAN)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)